

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 26/5/2011
Hari: (HAMIS) M/S: 12
Ruangan: RENCANA

UMM/DA6/UM/26.5.2011/P:12(1)

Inflasi, monopoli dan satu sen

Oleh ROHAMI SHAFIE

ISU yang paling hangat diperkatakan ketika ini adalah inflasi atau kenaikan harga barang dan perkhidmatan. Inflasi 'kena' pada semua orang. Justeru isu ini perlu ditangani segera bagi memberi kebaikan kepada semua pihak. Lebih-lebih lagi, jika harga minyak terus meningkat sehingga inflasi melepasi 3.5 peratus, pertumbuhan negara akan terjejas.

Sedangkan pertumbuhan negara mestilah berada pada sekurang-kurang 6 peratus setahun pada setiap tahun sehingga 2020 jika Malaysia ingin bergelar negara maju. Dengan kata lebih mudah, jika inflasi tidak ditangani segera, cita-cita itu tidak dapat dicapai pada tempoh ditetapkan.

Inflasi boleh berlaku atas beberapa sebab. Dua sebab utama adalah harga pasaran dunia dan faktor monopoli pihak-pihak tertentu yang mengawal harga barangan dan perkhidmatan.

Dalam konteks ini, kerajaan bertanggungjawab untuk bertindak. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan boleh menyebabkan kehidupan rakyat semakin tertekan. Benar, rakyat juga bertanggungjawab untuk mengurus kewangan secara berhemah.

Tetapi mana mungkin wang dapat diurus dengan baik jika wang sedia ada tidak mencukupi untuk menyara kehidupan seharian akibat inflasi yang tinggi.

Kuasa membeli semakin menurun. Gaji RM5,000 sebulan pun masih tidak mencukupi. Maka, ramailah yang membuat kerja-kerja sampingan untuk menambah pendapatan. Kesannya, mereka ini tidak cukup rehat.

Tidakkah ini akan memberi kesan negatif terhadap kerja-kerja utama mereka di pejabat. Akibatnya, produktiviti mereka semakin menurun. Impak besarnya sudah tentu ke atas ekonomi negara secara menyeluruh. Inilah kesan tidak langsung inflasi jika tidak dibendung.

Faktor monopoli juga menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan dinaikkan sesuka hati. Peniaga yang mempunyai kuasa monopoli akan menguasai kartel. Berpakat sesama sendiri dalam menentukan harga. Pengguna tiada kuasa untuk membantah.

Justeru diharapkan Akta Persaingan 2010 yang bakal dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 benar-benar boleh membendung kegiatan yang tidak sihat ini di kalangan peniaga.

Ambil tindakan setegas-tegasnya terhadap peniaga sebegini. Mereka inilah antara punca utama inflasi meningkat. Mereka tidak langsung mempedulikan hak pengguna. Yang mereka pentingkan "kocek" mereka dipenuhi dengan wang ringgit.

Tidak cukup dengan itu, kerajaan juga bercadang untuk memperkenalkan semua syiling satu sen di pasaran. Penulis ingin mencadangkan kepada kerajaan agar mewartakan syiling satu sen untuk digunakan di mana-mana sahaja.

Bukan setakat digunakan untuk membayar bil-bil telefon, air dan elektrik. Syiling satu sen boleh digunakan di kedai-kedai runcit mahupun kompleks beli-belah, kedai-kedai makan mahupun di stesen-stesen minyak walaupun mungkin ramai yang beranggapan ia tidak praktikal.

Penulis percaya kalau ia sudah menjadi kebiasaan, syiling satu sen akan dinilai tinggi dan dihargai oleh rakyat Malaysia. Barulah tekanan inflasi tidak begitu dirasakan kerana harga barangan dan perkhidmatan boleh dibayar dengan nilai serendah satu sen.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Perakaunan dan Kewangan Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia.